

Headline	TH Plantations beli sawit pekebun kecil Bumiputera		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	25 Apr 2023	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	82,252
Page No	22	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	544 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mahanum Abdul Aziz	AdValue	RM 18,083
Frequency	Daily	PR Value	RM 54,248



# Bisnes

Selasa,  
25 April 2023

bhbiz@nstp.com.my



→ Ikuti lebih berita di  
www.bharian.com.my



## TH Plantations beli sawit pekebun kecil Bumiputera

**Pendekatan serampang dua mata tingkat kapasiti kilang, tambah hasil peneroka**

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

TH Plantations Bhd (THP) melaksanakan inisiatif membeli buah tandan segar (BTS) sawit daripada pekebun kecil Bumiputera bagi meningkatkan kapasiti kilang sawit miliknya, pada masa sama, menyumbang pendapatan lebih baik kepada golongan itu.

Syarikat perladangan itu menjalin kerjasama strategik bersama pekebun kecil dan ia pendekatan serampang dua mata yang memberikan pulangan menarik kepada kedua-dua pihak, selain menjadi program tanggungjawab sosial korporat (CSR), dengan menyasarkan peningkatan status ekonomi pekebun kecil Bumiputera.

Malah, inisiatif penambah

### Eksklusif

nilai itu menyaksikan THP mengambil pendekatan berbeza dan strategik untuk kekal relevan dan berdaya saing dalam persekitaran pasaran yang mencabar.

Ketua Pegawai Eksekutif THP, Mohamed Zainurin Mohamed Zain, berkata inisiatif pembelian BTS menjadi platform atau saluran alternatif kepada pekebun kecil sawit untuk menjual hasil mereka pada harga yang berpatutan, sekali gus meningkatkan pendapatan.

Beliau yang menyertai THP pada 1 Oktober 2021 berkata, inisiatif itu dilaksanakan secara berperingkat sejak 2022 dan sejumlah 226,710 tan BTS dibeli daripada pekebun kecil bernilai RM223.8 juta.

Katanya, inisiatif itu juga mewujudkan rantaian nilai mampan bagi pekebun kecil, THP dan Lembaga Tabung Haji (TH).

"Bagi pekebun kecil, mereka menikmati penjualan BTS dalam jumlah yang konsisten dan pada harga kompetitif.

"Bagi THP pula, ia meningkatkan kapasiti pengeluaran minyak sawit, yang menyumbang kepada keuntungan syarikat.

"Keuntungan yang diperoleh THP akan memberi manfaat semula kepada pendeposit LTH melalui pembayaran dividen," katanya kepada *BH*.

#### Inisiatif diperluas

Mohamed Zainurin berkata, inisiatif pembelian BTS itu mendapat sambutan baik daripada pekebun kecil dan pengusaha sawit Bumiputera.

Beliau berkata, berpandukan sambutan yang amat menggalakkan, inisiatif berkenaan sudah dilebarkan hampir ke seluruh enam kilang milik THP yang beroperasi di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Katanya, inisiatif pembelian BTS sawit daripada pekebun kecil itu sudah membantu meningkatkan peratusan guna pakai aset sedia ada THP dengan kapasiti yang lebih optimum.

"Menerusi inisiatif ini, pendapatan THP meningkat hampir 20 peratus berbanding tahun sebelumnya.

"Selain pekebun kecil menikmati harga jualan yang berpatutan, kerjasama strategik ini

menggalakkan pekebun kecil dan pembekal BTS mengusahakan tanaman sawit secara lestari," katanya.

Mohamed Zainurin berkata, menerusi inisiatif itu, THP juga memberi khidmat nasihat Amalan Pertanian Terbaik (GAP) syera selamat dan penanaman semula.

Selain pekebun kecil menikmati harga jualan yang berpatutan, kerjasama strategik ini menggalakkan pekebun kecil dan pembekal BTS mengusahakan tanaman sawit secara lestari.

Mohamed Zainurin  
Mohamed Zain,  
Ketua Pegawai  
Eksekutif  
THP



cara percuma kepada pekebun kecil.

Beliau berkata, khidmat nasihat merangkumi pemilihan anak benih, pengawalan rumpai, pembajaan secara bukan organik, pentaian buah, pengawalan serangan serangga perosak secara selamat dan penanaman semula.

"Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menggalakkan pekebun kecil Malaysia untuk memiliki Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) agar industri sawit mempunyai rantaian bekalan mampan yang seragam dan tiada kekangan penjualan minyak sawit mentah.

"Apa yang menarik, di samping pencapaian komersial dan sosial, inisiatif pembelian BTS juga mendapat kepercayaan daripada pelbagai latar belakang masyarakat yang terdiri daripada pekebun kecil dan sederhana yang terdiri daripada kaum Cina, Iban serta pelbagai kelompok etnik seperti Bajau, Bugis dan Bolongan Sabah," katanya.

THP mempelawa pekebun kecil yang berada di sekitar kilang sawit milik syarikat itu untuk mengambil peluang menyertai inisiatif berkenaan dengan berhubung secara terus kepada pihak kilang.